

B569

MAHATHIR - RASUAH 1982

KUALA LUMPUR 23 JAN. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TINDAKAN AKAN DIAMBIL TERHADAP GURU BESAR YANG DIDAKWA TERLIBAT DALAM RASUAH \$5 JUTA DALAM PEMBELIAN BUKU-BUKU TEKS SEKOLAH JIKA KERAJAAN MEMPEROLEHI BUKTI YANG SAH. PERDANA MENTERI MEMINTA KERJASAMA PIHAK AKHBAR MELAPORKAN KEPADA KERAJAAN JIKA MEREKA MENDAPAT MAKLUMAT BAHAWA DAKWAAN ITU BENAR-BENAR BERLAKU.

+TANPA MAKLUMAT YANG SAH, ADALAH SUKAR BAGI KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN, MEMANDANG BANYAKNYA SEKOLAH DAN PAYAH PULA MENGENAL-PASTI SIAPA YANG TERLIBAT,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SEMASA DIMINTA MENGULI LAPORAN AKHBAR YANG MENDEDAHKAN SKANDAL ITU DI AKHIR SIDANG MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA SEUMPAMA ITU MEMANG PERNAH DIAMALKAN DAHULU DAN MUNGKIN JUGA ADA LAGI DILAKUKAN SEKARANG.

ITULAH SEBABNYA KERAJAAN TELAH MENGENAKAN SYARAT MELARANG SEMUA GURU MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM APA JENIS PERNIAGAAN SAMADA SEBAGAI WAKIL INSURAN SYARIKAT-SYARIKAT ATAU BARANG-BARANG. -- BERSAMBUNG 1649/MK

2710

MAHATHIR - RASUAH 2 KUALA LUMPUR

JIKA TERDAPAT BUKTI MEREKA BERBUAT DEMIKIAN, KERAJAAN BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENJELASKAN BUAT MACA INI TINDAKAN TIDAK DAPAT DIAMBIL MEMANDANGKAN LAPORAN AKHBAR YANG MENDEDAHKAN SKANDAL ITU MEMBUAT DAKWAAN SECARA UMUM SAMAJA.

+AKHBAR BERKENAAN TIDAK MENUNJUKKAN SIAPA YANG TERLIBAT DAN JIKA DITUNJUKKAN SAYA SENDIRI AKAN PERGI SIASAT.+

BELIAU KEMUDIAN MENGULAS MENGENAI LAPORAN SEBUAH AKHBAR HARI INI YANG MENYEBUTKAN KONONNYA 15 BANGUNAN SEKOLAH DI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG RETAK DI BAHAGIAN DINDING, SILING, LANTAI DAN TANGGA.

+JIKA DITUNJUKKAN SEKOLAH YANG TERLIBAT SAYA SENDIRI AKAN PERGI MENYIASAT DAN TINDAKAN AKAN DIAMBIL UNTUK MEMPERBAIKINYA,+ TEGASNYA. -- BERNAMA 1654/MK